

## LAMPIRAN A: Surat Kebenaran Melakukan Penyelidikan

 <p>يayasan ترڠڠانو YAYASAN TERENGGANU</p>	<p>يayasin ترڠڠانو بانياسن ترڠڠانو YAYASAN TERENGGANU Bangunan Yayasan, Jalan Sultan Ismail, 20200 KUALA TERENGGANU.</p>	<p>P.O. Box 57, 20912 KUALA TERENGGANU Tel. : 09-6221733 (6 talian) Faks : 09-6232944 E-Mel : info@ytrg.terengganu.gov.my Website : www.ytrg.terengganu.gov.my</p>
---	--	--

---

Surat Tuan :	
Surat Yas. Tr :	008/600/8/3 (54)
Tarikh :	28 April 2011
Bersamaan :	24 Jamadil Awal 1432 Hijrah

**Prof. Madya Dr. Duraiyyah Shahirah Hasan Adli,**  
Institut Sains Biologi,  
Fakulti Sains, Universiti Malaya,  
50603 Kuala Lumpur.

Puan,

**KELULUSAN MENJALANKAN PENYELIDIKAN KAJIAN LAPANGAN  
(TEMUBUAL DAN PEMERHATIAN DALAM BILIK DARJAH)**

Dengan segala hormatnya surat puan bertarikh 20 April 2011 adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini telah meluluskan permohonan puan bagi penyelidikan "Penggunaan Ganjaran dalam Pembelajaran Kajian ke atas Pengukuhan Program Ulul Albab di Sebuah Sekolah Menengah Agama di Terengganu dari Perspektif Sains Kelakuan" dari 23 hingga 28 April 2011 bagi Kumpulan Penyelidik Geran Penyelidikan (RG059/09AFR) serta En. Mohamad Khairudin bin Bajuri (Penolong Penyelidik) di Sekolah Menengah *Imtiaz* Yayasan Terengganu Kuala Terengganu.

3. Sila berhubung dengan Pengurusan sekolah berkaitan maklumat serta dokumentasi yang diperlukan bagi melengkapkan tesis kajian. Jabatan ini ingin mengucapkan selamat menjalankan penyelidikan dan berharap agar hasilnya nanti dapat diguna untuk mempertingkatkan prestasi pembelajaran serta kecerdasan semua pelajar *Imtiaz* secara holistik.

Semoga perkara di atas berada dalam makluman dan perhatian puan jua.

Sekian, terima kasih.

Sila catatkan rujukan Lembaga ini apabila berhubung

**"MERAKYATKAN PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN "**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menurut perintah,  
**YAYASAN TERENGGANU**

**(AHMAD HAFIIZHI BIN ALILAH)**

Penolong Pegawai Tadbir (Pembangunan Akademik)  
Bahagian Pengurusan *Imtiaz*  
b.p. Pengarah

☎ Samb.: 445      ✉ hafiizhi@ytrg.terengganu.gov.my

- s.k. i) Pengarah  
ii) Timbalan Pengarah (Pendidikan)  
iii) Pengetua,  
Sekolah Menengah *Imtiaz* Yayasan Terengganu Kuala Terengganu  
iv) Penyelidik Bersama RG059/09AFR:  
- Prof. Madya Rohaida Mohd. Saat (Fakulti Pendidikan; Ketua Projek)  
- Prof. Dato' Dr. Mohd. Yakub @ Zulkifli Mohd. Yusoff } Akademi  
- Prof. Madya Datin Dr. Noor Naemah Abdul Rahman } Pengajian Islam  
- En. Mohamad Khairudin bin Bajuri  
v) Fail Timbul

## LAMPIRAN B: Set Protokol Temu bual

### a) Set Protokol Temu bual Murid

1. Boleh adik perkenalkan diri adik? Nama siapa? Tingkatan apa? Cita-cita apa? Berapakah umur adik?
2. Cuba ceritakan latar belakang pendidikan adik sebelum masuk ke Imtiaz ini dalam penghafazan, adik sudah menghafal berapa ayat/ juzuk?
3. Apakah perasaan adik dapat menghafaz al-Quran sepanjang pengajian di sini? Suka atau tidak? Kenapa suka? Kenapa tidak suka?
4. Kebiasaannya, berapa juzuk yang adik dapat hafaz dalam tempoh seminggu?
5. Kalau dapat hafaz dalam tempoh yang ditetapkan, adakah ustaz/ustazah beri hadiah dan sebagainya? Jika tidak bagaimana perasaan adik?
6. Apa perasaan adik apabila menerima hadiah tersebut ya? Adakah ini memberi semangat kepada adik untuk menghafaz dengan lebih tekun/ lebih banyak ayat?
7. Bagaimana pula perasaan adik jika ustaz/ustazah tidak memberi apa-apa hadiah dsb, jika adik berjaya menghafaz? Mengapa?
8. Bagaimana pula jika adik tidak dapat hafaz seperti yang disuruh ustaz/ustazah? Adakah adik didenda atau bagaimana?
9. Adakah adik berpendapat ustaz/ustazah patut atau tidak patut denda? Kenapa?
10. Apabila didenda, adakah adik lebih bersemangat untuk menghafaz? Atau adik merasa 'down' (kecewa)/ tiada semangat untuk terus menghafaz? (ceritakan dengan lanjut ye pengalaman adik)
11. Jika tidak didenda, apakah pendapat adik yang perlu dilakukan oleh ustaz/ustazah bagi pelajar yang tidak dapat menghafaz? Mengapa?
12. Selain itu, bagaimana pula dengan pihak sekolah, adakah pihak sekolah juga akan mendenda pelajar jika tidak dapat habiskan hafaz al-Quran dalam masa/ tempoh yang ditetapkan?

### b) Set Protokol Temu bual Guru

1. Boleh ustaz/ustazah perkenalkan diri?
2. Boleh saya tahu ustaz/ustazah mengajar subjek apa? Bahagian tajwid atau apa?
3. Biasanya murid diberikan berapa lama untuk menghafaz satu juzuk al-quran? Atau bagaimana?
4. Apa ganjaran yang ustaz/ustazah berikan pada mereka, jika dapat menghafaz al-quran mengikut masa yang ditetapkan? Kenapa?
5. Sepanjang mengajar di sekolah ini, pernahkah ust/ustazah mendenda pelajar-pelajar? Boleh ustaz ceritakan?
6. Apa pandangan ust/ustazah mengenai denda tersebut? Perlu atau tidak perlu?
7. Bagaimana pula jika mereka tidak dapat menghafaz seperti yang ditetapkan?
8. Pihak sekolah macam mana pula? Ada tak apa apa yang diberikan kalau mereka dapat menghafaz? Kenapa?

## **LAMPIRAN C: Transkrip Temu bual**







**LAMPIRAN D: Matriks Temu bual**

<b>SK</b>	<b>Kod</b>	<b>Kategori</b>	<b>Tema</b>	<b>Episod</b>
SK3	Ucapan Pujian	Penghargaan Secara Verbal	Ganjaran Positif	<p>“...Saya merasa bertuah kerana mendapat pujian. Kerana bukan semua orang yang dapat pujian tu”. (TM7_Ln 83)</p> <p>“...Puji sebab rajin menghafal”.(TM2_Ln 167). “...Awak ni rajin la”.(TM2_Ln 169).</p>
SK3	Penghargaan di Hadapan Umum	Penghargaan Secara Visual	Ganjaran Positif	<p>“...Biasanya kan hafal jam 8 pagi sampai 9 pagi kan, lepas tu akan ada 2 orang ustaz datang, lepas itu sebut (panggil di hadapan) nama suruh pergi ambil duit kat depan”. (TM5_Ln 225)</p>
SK3	Hadiah dan Cenderamata	Penghargaan Secara Kebendaan	Ganjaran Positif	<p>“...Biasanya Ustazah akan memberi hadiah. Biasanya Ustazah beri buku ke, pen ke. Biasa benda yang kecil-kecil macam itu lah”. (TM7_Ln 306-307)</p>
SK3	Kewangan	Penghargaan Secara Kebendaan	Ganjaran Positif	<p>“...Kalau sebulan satu juzu’, siapa yang dapat menghafal satu juzu’ dia (murid) akan diberi sepuluh ringgit. (TM7_Ln 388-389)</p> <p>“...Dalam sebulan tu kalau dapat pindah juzuk, bagi RM10”. (TM2_Ln 145)</p>
SK3	Al-Quran Digital	Penghargaan Secara Kebendaan	Ganjaran Positif	<p>“...Dan pula, pihak sekolah sendiri, pihak sekolah sendiri mengambil inisiatif mana-mana pelajar yang khatam Al-Quran diberi anugerah. Seperti yang sebelum-sebelum ni, pihak sekolah melalui koperasi sekolah, dia memberikan Quran digital kepada pelajar yang khatam. Quran digital dan tasbih digital”. (TG2(ii)_Ln. 382)</p>



<b>SK</b>	<b>Kod</b>	<b>Kategori</b>	<b>Tema</b>	<b>Episod</b>
SK3	Kem Hafazan	Bukan Fizikal – Kuarantin	Ganjaran Negatif	“...Biasa macam akhir tahun ataupun cuti pertengahan tahun, contohnya ustaz target tingkatan 2 kena habis dah juzuk 7, contoh la. Tapi kalau macam ada yang tak sampai target ni, dia akan dikuarantin. Maknanya ada kelas. Macam cuti 2 minggu, seminggu dia akan potong cuti tu untuk kelas hafazan. Jadi pelajar kena datang lebih awal sikit la daripada 2 minggu tu”. (TM3_Ln 205).
SK3	Hantar ke Kumpulan Hafazan Lain	Bukan Fizikal	Ganjaran Negatif	“...OK, esok bila guru masuk saja halaqah, dia (pelajar yang lemah) lah orang pertama yang akan dipanggil (oleh guru tasmik) untuk qada’ (tebus) balik apa yang tidak dihafaz pada hari yang sebelum itu. Kalau dia tidak dapat dia akan didenda ringan saja lah, (contoh) berdiri, atau kita hantar dia (pelajar) ke halaqah lain ke”. (TG1(ii)_Ln 164)
SK3	Sekat Cuti	Bukan Fizikal - Tarik Keistimewaan	Ganjaran Negatif	“...Ada juga kita sekat (cuti), Cuma pada masa cuti panjang. Ok, masa cuti panjang kita adakan kuarantin. Yang mana pelajar yang tidak mencapai sasaran, contohnya saya letak daripada Januari hingga bulan Mei berapa juzuk saya hendak (sasarkan). Saya kata sekurang-kurangnya 4 juzuk”. (TG1(ii)_Ln 481).
SK3	Berdiri	Fizikal - Denda Ringan	Ganjaran Negatif	“...Kalau hari yang kita tak tasmik tu, ustazah akan suruh muroja’ah. Selepas itu, kalau macam nampak kita (murid) dah tak boleh tasmik, jadi kita pun rasa macam nak tidur, cakap-cakap. Selepas itu, ustaz/ustazah pun akan suruh kita berdiri ke”. (TM9_Ln. 154).

SK	Kod	Kategori	Tema	Episod
SK3	Kem Hafazan	Bukan Fizikal – Kuarantin	Hukuman	<p>“...Pernah (dikenakan hukuman kuarantin) tapi kuarantin itu untuk yang tidak lepas target yang ustaz hendak lah. Tapi kalau lepas (mencapai sasaran hafazan) dia kalau nak pergi pun tidak mengapa juga”. (TM4_Ln 104)</p> <p>“...Kalau macam cuti dua minggu tu, seminggu kuarantin, seminggu tu baru boleh balik”. (TM4_Ln 109).</p>
SK3	Sekat <i>Outing</i>	Bukan Fizikal - Tarik Keistimewaan	Hukuman	<p>“...Yang lambat tadi tu mungkin kuarantin jugak, yang tadi kuarantin contohnya dua minggu katakan. Tak benar dia <i>outing</i>. Yang lemah ni kita ambil masa dia tu buat keputusan lama. Dan denda dia pun lama, aaa macam tu. Contohnya yang tadi kuarantin 2 minggu, yang ni yang lemah ni mungkin kita kuarantin dia sebulan”. (TG2(ii)_Ln. 317)</p>
SK3	Aktiviti Menghafaz di Hadapan Berlainan Jantina	Fizikal – Denda Ringan	Hukuman	<p>“...Biasanya dia suruh budak perempuan ini pergi ke hadapan, untuk tasmik di hadapan lelaki dan berdiri. kebiasaanya di tengah atau pun di tepi surau”. (TM7_Ln 184-185)</p>
SK3	Berdiri	Fizikal – Denda Ringan	Hukuman	<p>“...Saya pernah lihat ada beberapa orang (murid) yang kena berdiri di atas pentas”. (TM7_Ln 244)</p> <p>“...Pelajar yang malas tu saya denda la. Dia boleh hafal, Cuma kadang-kadang dia malas, dia buat alasan. Malas la sebab banyak kerja rumah. Padahal kerja rumah tak ada pun. Malas nak menghafal. Saya dah tahu, jadi saya denda. Denda suruh berdiri ke, denda suruh ketuk-ketampi ke. Iktulah. Kalau yang jenis rasa tak boleh nak ikut macam tu, saya denda secara berhikmah la”. (TG6_Ln. 143).</p>

## LAMPIRAN E: Ciri-ciri Golongan Ulul al-Bab di dalam Al-Quran

1. Surah al-Baqarah (2): ayat 179, 197 dan 269.

a) Surah al-Baqarah (2): ayat 179. Golongan yang **berakal fikiran** dan **bertakwa**.

وَلَكُمْ فِي الْقِصَاصِ حَيَوةٌ يَتَأُولَى الْأَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٧٩﴾

Al-Quran, Surah Al-Baqarah (2): 179

“Dan di dalam hukuman Qisas itu ada jaminan hidup bagi kamu wahai orang-orang yang **berakal fikiran**, supaya kamu **bertakwa**.”

b) Surah al-Baqarah (2): ayat 197. Golongan yang **memelihara diri**, **bertakwa** dan **berakal**.

الْحَجُّ أَشْهُرٌ مَّعْلُومَاتٌ فَمَنْ فَرَضَ فِيهِنَّ الْحَجَّ فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقَ  
وَلَا جِدَالَ فِي الْحَجِّ وَمَا تَفَعَّلُوا مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمُهُ اللَّهُ وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ  
الزَّادِ التَّقْوَى وَاتَّقُونِ يَا أُُولَى الْأَلْبَابِ ﴿١٩٧﴾

Al-Quran, Surah Al-Baqarah (2): 197

“(Masa untuk mengerjakan ibadat) haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum. Oleh yang demikian, sesiapa yang telah mewajibkan dirinya (dengan niat mengerjakan) ibadat haji itu, maka tidak boleh mencampuri isteri, dan tidak boleh membuat maksiat, dan tidak boleh bertengkar, dalam masa mengerjakan ibadat haji dan apa jua kebaikan yang kamu kerjakan adalah diketahui oleh Allah; dan hendaklah kamu membawa bekal dengan secukupnya kerana sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah **memelihara diri** (dari keaiban meminta sedekah); dan **bertakwalah** kepada-Ku wahai orang-orang yang **berakal** (yang dapat memikir dan memahaminya).”

- c) Surah al-Baqarah (2): ayat 269. Golongan yang **mengambil peringatan** sebagai **pengajaran** ke atas hikmah yang diberikan.

يُؤْتِي الْحِكْمَةَ مَنْ يَشَاءُ ۚ وَمَنْ يُؤْتَ الْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتِيَ خَيْرًا كَثِيرًا ۗ  
وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٢٦٩﴾

Al-Quran, Surah Al-Baqarah (2): 269

“Allah memberikan hikmah kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut aturan yang ditentukan-Nya). Dan sesiapa yang diberikan hikmah itu, maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak dan tiadalah yang dapat **mengambil pengajaran (peringatan)** melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikirannya.”

2. Surah Ali ‘Imran (3): ayat 7 dan 190.

- a) Surah Ali ‘Imran (3): ayat 7. Golongan yang **mendalami ilmu agama** dan **mengambil pelajaran** serta **peringatan** daripadanya.

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ مِنْهُ آيَاتٌ مُحْكَمَاتٌ هُنَّ أُمُّ الْكِتَابِ وَأُخْرُ  
مُتَشَبِهَاتٌ ۚ فَأَمَّا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ زَيْغٌ فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَبَهَ مِنْهُ ابْتِغَاءَ  
الْفِتْنَةِ وَابْتِغَاءَ تَأْوِيلِهِ ۗ وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُ إِلَّا اللَّهُ ۗ وَالرَّاسِخُونَ فِي الْعِلْمِ  
يَقُولُونَ ءَأَمْنًا بِهِ ۗ كُلُّ مَنْ عِنْدَ رَبِّنَا وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٧﴾

Al-Quran, Surah Ali ‘Imran (3): 7

“Dia lah yang menurunkan kepadamu (wahai Muhammad SAW) Kitab suci al-Quran. Sebahagian besar dari al-Quran itu ialah ayat-ayat "Muhkamaat" (yang tetap, tegas dan nyata maknanya serta jelas maksudnya); ayat-ayat Muhkamaat itu ialah ibu (atau pokok) isi al-Quran. dan yang lain lagi ialah ayat-ayat "Mutasyaabihaat" (yang samar-

samar, tidak terang maksudnya). Oleh sebab itu (timbullah fahaman yang berlainan menurut kandungan hati masing-masing), adapun orang-orang yang ada dalam hatinya kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu menurut apa yang samar-samar dari al-Quran untuk mencari fitnah dan mencari-cari takwilnya (memutarakan maksudnya menurut yang disukainya). Padahal tidak ada yang mengetahui takwilnya (tafsir maksudnya yang sebenar) melainkan Allah dan orang-orang yang tetap teguh serta **mendalami pengetahuannya dalam ilmu-ilmu agama**, berkata: "Kami beriman kepada-Nya, semuanya itu datangnya dari sisi Tuhan kami" dan tiadalah yang **mengambil pelajaran dan peringatan** melainkan orang-orang yang **berfikiran.**"

- b) Surah Ali ‘Imran (3): ayat 190. Golongan yang **merenung kejadian langit dan bumi**, serta **mengingati Allah**.

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِّأُولِي  
الْأَلْبَابِ ﴿١٩٠﴾

Al-Quran, Surah Ali ‘Imran (3): 190

“Sesungguhnya dalam **penciptaan langit dan bumi**, dan **silih bergantinya malam dan siang** terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal.”

3. Surah al-Maidah (5): ayat 100. Golongan yang **memilih kebaikan** dan tidak tertarik dengan **keburukan**.

قُلْ لَا يَسْتَوِي الْخَبِيثُ وَالطَّيِّبُ وَلَوْ أَعْجَبَكَ كَثْرَةُ الْخَبِيثِ فَاتَّقُوا اللَّهَ  
يَتَأُولَى الْأَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ ﴿١٠٠﴾

Al-Quran, Surah Al-Maidah (5): 100

“Katakanlah (wahai Muhammad SAW): "Tidak sama yang **buruk** dengan yang **baik**, walaupun banyaknya yang buruk itu menarik hatimu. Oleh itu bertakwalah kepada Allah wahai orang-orang yang berakal fikiran, supaya kamu berjaya.”

4. Surah Yusuf (12): ayat 111. Golongan yang mengambil **pengajaran** dan **iktibar** dari sejarah Islam.

لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةٌ لِأُولِي الْأَلْبَابِ ۗ مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَىٰ  
وَلَكِن تَصَدِيقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً  
لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿١١١﴾

Al-Quran, Surah Yusuf (12): 111

“Demi sesungguhnya, kisah nabi-nabi itu mengandung **pelajaran yang mendatangkan iktibar** bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran. (Kisah nabi-nabi yang terkandung di dalam al-Quran) bukanlah ia cerita-cerita yang diada-adakan, tetapi ia mengesahkan apa yang tersebut di dalam Kitab-kitab agama yang terdahulu daripadanya, dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi petunjuk dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman.”

5. Surah ar-Ra'd (13): ayat 19. Golongan yang **menginsafi** dan **beriman dengan kebenaran al-Quran**.

أَفَمَنْ يَعْلَمُ أَنَّمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ الْحَقُّ كَمَنْ هُوَ أَعْمَىٰ ۗ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ  
أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿١٩﴾

Al-Quran, Surah Ar-Ra'd (13): 19

“Maka adakah orang yang mengetahui bahawa al-Quran yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu itu (wahai Muhammad SAW) perkara yang **benar**, sama dengan orang yang buta matahatinya? Sesungguhnya orang-orang yang mahu memikirkan hal itu hanyalah orang-orang yang berakal sempurna.”

6. Surah Ibrahim (14): ayat 52. Golongan yang menjadikan al-Quran sebagai **peringatan** dan **pengetahuan** tentang kebesaran Allah.

هَذَا بَلَّغٌ لِلنَّاسِ وَلِيُنذِرُوا بِهِ ۗ وَلِيَعْلَمُوا أَنَّ مَا هُوَ إِلَهُ وَاحِدٌ وَلِيَذَّكَّرَ أُولُو

الْأَلْبَابِ ﴿٥٢﴾

Al-Quran, Surah Ibrahim (14): 52

“(Al-Quran) ini disampaikan kepada manusia supaya mereka diberi **ingat** dan **diberi nasihat** dengannya; dan supaya mereka mengetahui (dengan hujah-hujah yang tersebut di dalamnya). Bahawa sesungguhnya Allah ialah Tuhan yang Maha Esa; dan supaya orang-orang yang mempunyai fikiran, **beringat** dan **insaf**.”

7. Surah Sad (38): ayat 29 dan 43.

- a) Surah Sad (38): ayat 29. Golongan yang **mengambil faedah** dan **pengajaran/iktibar** daripada kitab Allah.

كَتَبْنَا أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ ۗ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٣٩﴾

Al-Quran, Surah Sad (38): 29

“(Al-Quran ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad SAW). Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayat-Nya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat **mengambil iktibar**.”

- b) Surah Sad (38): ayat 43. Golongan yang **mengambil peringatan** jika diberi rahmat dan bersabar jika ditimpa kemalangan.

وَوَهَبْنَا لَهُمْ أَهْلَهُمْ وَمِثْلَهُمْ مَعَهُمْ رَحْمَةً مِنَّا وَذِكْرًا لِأُولِي الْأَلْبَابِ ﴿٤٣﴾

Al-Quran, Surah Saad (38): 43

“Dan Kami kurniakan (lagi) kepadanya - keluarganya, dengan sekali ganda ramainya, sebagai satu **rahmat** dari Kami dan **sebagai satu peringatan** bagi orang-orang yang berakal sempurna (supaya mereka juga bersikap **sabar** semasa ditimpa malang).”

8. Surah az-Zumar (39): ayat 9, 18 dan 21.

- a) Surah az-Zumar (39): ayat 9. Golongan yang *berqiamullail* dan **mengharapkan rahmat Allah**.

أَمْ مَنْ هُوَ قَنِيئٌ أَنَاءَ اللَّيْلِ سَاجِدًا وَقَائِمًا يَحْذَرُ الْآخِرَةَ وَيَرْجُوا رَحْمَةَ رَبِّهِ  
قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو  
الْأَلْبَابِ ﴿٩﴾

Al-Quran, Surah Az-Zumar (39): 9

"(Engkaukah yang lebih baik) atau orang yang taat mengerjakan **ibadat pada waktu malam** dengan sujud dan berdiri sambil takutkan (azab) hari akhirat serta **mengharapkan rahmat** Tuhannya? "Katakanlah lagi (kepadanya): "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna.”

- b) Surah az-Zumar (39): ayat 18. Golongan yang mengkaji al-Quran dan **menurut hukum Agama**.



الَّذِينَ يَسْتَمِعُونَ الْقَوْلَ فَيَتَّبِعُونَ أَحْسَنَهُ أُولَئِكَ الَّذِينَ هَدَاهُ اللَّهُ  
 وَأُولَئِكَ هُمْ أُولُوا الْأَلْبَابِ ﴿١٨﴾

Al-Quran, Surah Az-Zumar (39): 18

“Yang berusaha **mendengar perkataan-perkataan** yang sampai kepadanya lalu mereka **memilih** dan **menurut akan yang sebaik-baiknya** (pada segi hukum agama); mereka itulah orang-orang yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan mereka itulah orang-orang yang berakal sempurna.”

- c) Surah az-Zumar (39): ayat 21. Golongan yang **memerhati** dan **mengambil iktibar** daripada kejadian alam.

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَسَلَكَهُ يَنْبِيعَ فِي الْأَرْضِ ثُمَّ يُخْرِجُ  
 بِهِ زُرْعًا مُخْتَلِفًا أَلْوَانُهُ ثُمَّ يَهِيَجُ فَتَرَاهُ مُصْفَرًّا ثُمَّ يَجْعَلُهُ حُطْمًا إِنَّ فِي  
 ذَلِكَ لَذِكْرَى لِأُولِي الْأَلْبَابِ ﴿٢١﴾

Al-Quran, Surah Az-Zumar (39): 21

“Tidakkah engkau **memerhatikan**, bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu dialirkan-Nya menjadi mata air-mata air di bumi; kemudian ia menumbuhkan dengan air itu tanaman-tanaman yang berbagai jenis dan warnanya; kemudian tanaman-tanaman itu bergerak segar (hingga ke suatu masa yang tertentu), selepas itu engkau melihatmu berupa kuning; kemudian ia menjadikannya hancur bersepai? Sesungguhnya segala yang tersebut itu mengandungi **peringatan yang menyedarkan** orang-orang yang berakal sempurna.”

9. Surah Ghaafir/ al-Mu'min (40): ayat 54. Golongan yang dikurniakan **hidayah** dan **peringatan**.

هُدًى وَذِكْرَى لِأُولِي الْأَلْبَابِ ﴿٥٤﴾

Al-Quran, Surah Ghaafir (40): 54

“Sebagai **hidayah** dan **peringatan** bagi orang-orang yang berakal sempurna.”

10. Surah at-Thalaq (65): ayat 10. Golongan yang **beriman** dan **takutkan azab** Allah.

أَعَدَّ اللَّهُ لَهُمْ عَذَابًا شَدِيدًا ۖ فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ الَّذِينَ ءَامَنُوا ۗ قَدْ

أَنْزَلَ اللَّهُ إِلَيْكُمْ ذِكْرًا ﴿١٠﴾

Al-Quran, Surah At-thalaaq (65): 10

“Allah menyediakan bagi mereka azab seksa yang seberat-beratnya. Maka bertakwalah kepada Allah kepada wahai orang yang **berakal sempurna** dari kalangan orang yang **beriman**. Sesungguhnya Allah telah menurunkan kepada kamu peringatan.”